

PENUNTUT tahun tiga Seni Muzik, UMS memperserbahkan kualiti muzik yang tinggi pada Konsert Grand Recital di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.



# UMS tingkat usaha promosi muzik pribumi

UM 18.8.2014 26

KOTA KINABALU 12 Ogos - Muzik tradisional ciptaan masyarakat pribumi harus diketengahkan dalam acara-acara persesembahan muzikal sebagai usaha mempopularkan muzik itu sehingga ke peringkat global.

Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Mohd. Hamdan Adnan berkata, hal demikian kerana jika langkah itu tidak diambil, dikhawatir pemuzik dan peralatan muzik berkenaan akan pupus.

Ini jelasnya, akan mengakibatkan muzik moden akan terus menguasai industri muzik tanah air yang dilihat mudah mempengaruhi anak muda.

"Muzik pribumi dan moden tidak banyak beza dari segi kemerduan bunyi kerana nota muzik ialah universal, selain turut digunakan untuk semua instrumen muzik."

"Sehubungan itu, perlu ada usaha untuk mengglobalisasikan muzik pribumi ini, antaranya dengan kaedah hibrid atau gabungan

muzik pribumi dengan elemen muzik global," katanya selepas merasmikan Konsert Grand Recital di Dewan Resital UMS dekat sini baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Pengarah Muzik Radio Televisyen Malaysia (RTM), Datuk Mokzani Ismail yang bertindak selaku penilai luar projek konsert berkenaan.

Konsert Grand Recital merupakan satu penilaian projek akhir yang menampilkan persesembahan penuntut tahun tiga program Seni

Muzik.

Mohd. Hamdan memberitahu, program seni muzik di UMS, sebagai contoh, sememangnya sentiasa berusaha memastikan para penuntut memiliki kemahiran dalam menguasai instrumen moden dan tradisional.

Ujarnya, industri muzik kini semakin berkembang dan mampu menjanjikan pendapatan lumayan kepada penggiatnya, terutama menerusi iklan komersial atau filem yang sentiasa memerlukan muzik dalam menghidupkan penceritaan.

Sehubungan itu katanya, UMS sentiasa berharap agar graduan-graduan bidang seni muzik di universiti itu dapat melihat potensi tersebut, sekali gus mampu menjadi kerjaya terbaik buat mereka pada masa depan.

Tambah beliau, UMS menerusi fakulti tersebut tidak ketinggalan meneruskan usaha bagi memastikan aspek globalisasi didedahkan termasuk mengundang penuntut dari universiti luar mengadakan persesembahan di sini.